

DATE: 29/1/2010

GTP tak beri tekanan penjawat awam

Matlamat disasarkan kerajaan mampu beri kebaikan semua

KUALA LUMPUR: Matlamat yang disasarkan kerajaan dalam pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) bukan satu tekanan dan beban kepada 12 juta penjawat awam, kata Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.



**Peian Hala Tuju
Program
Transformasi
Kerajaan**

Beliau berkata, sebaliknya semua penjawat awam komited untuk menjayakan GTP yang direncanakan kerajaan berdasarkan suara rakyat itu dengan memastikan segala matlamat yang disasarkan tercapai menerusi gerak kerja yang cepat dan berkesan.

"GTP tidak akan menjadi tekanan sebab penjawat awam pun rakyat juga, apa salahnya, umpamanya untuk kita cuba kurangkan jenayah jalanan. Sebagai penjawat awam dan rakyat negara ini, kita juga mahu keadaan yang selamat, tidak ada jenayah, tidak ada kemiskinan dan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran GTP yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, di sini semalam.

Mohd Sidek berkata, Sebelum ini bukan negara tidak mempunyai dasar baik tetapi cuma pelaksanaan ku-


rang menyebabkan sasaran yang ditetapkan gagal dipenuhi.

"Di masa lalu, masalah kita apabila kita membuat keputusan baik, dasar baik tetapi kurang pelaksanaan seperti yang Perdana Menteri sebutkan.

"Jadi bila sudah ada sasaran yang macam ini, cabaran kita pada tahun ini dan masa akan datang memastikan dasar GTP yang dirancang ini dilaksanakan dengan cepat dan berkesan.

"Ia sudah ada perancangan, sudah ada dokumen, Jadi tanggungjawab kita sebagai penjawat awam adalah untuk memastikan perancangan dibuat dilaksanakan.

"Sekiranya semua penjawat awam melaksanakan pelan itu dengan tekun, ikhlas dan penuh dedikasi, saya yakin matlamat kerajaan akan dapat dicapai sepenuhnya," katanya sambil memberi jaminan akan mengurangkan kerenah birokrasi dalam menjayakan GTP.



PM cuba mesin wuduk automatik

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ACE Technologies, Anthony Gomez berkata, mencuba mesin wuduk automatik yang pihaknya menyasarkan menjual 5,000 unit hasilkan ACE Technologies Sdn Bhd, selepas tahun ini dengan harga kira-kira RM10,200 majlis pelancaran produk itu di Impiana Hotel, semalam. Ketua Pegawai Eksekutif pasaran antarabangsa.